Mohamad Hanafi bin Mohamad Hashim lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05–88–04 TAHUN 2015

TENGKU MAIMUN, AHMADI ASNAWI DAN KAMARDIN HASHIM HHMR

12 MEI 2016

Keterangan — Anggapan — Mengedar dadah berbahaya — Sama ada hakim bicara khilaf apabila mengguna pakai kedua-dua anggapan terhadap elemen milikan mens rea dan pengedaran — Sama ada anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), (da) & 37A

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Mengedar dadah berbahaya — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh mengedar dadah berbahaya dan disabitkan bersalah — Sama ada hakim bicara gagal menimbangkan secukupnya pembelaan perayu — Sama ada perayu mempunyai pengetahuan tentang kandungan beg — Sama ada terdapat percanggahan dalam keterangan saksi pendakwaan — Sama ada rantaian keterangan mengenai barang kes terputus — Sama ada hakim bicara mengambil kira fakta yang tidak dibuktikan — Sama ada sabitan terhadap perayu adalah selamat

Perayu telah dituduh atas kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Kes pendakwaan adalah, melalui perbualan telefon antara D/Kpl Norhisham bin Mustapar ('SP6') dan perayu yang juga dikenali dengan nama 'Lekuk', perayu telah bersetuju membekalkan ¼kg ganja kepada SP6. Pada hari tangkapan, perayu telah datang ke kereta yang dinaiki oleh SP6 sambil menjinjit satu beg berwarna hitam bertulisan 'Digi' dan kemudian terus masuk ke tempat duduk belakang kereta tersebut. Perayu kemudian menunjukkan ketulan mampat daun kering yang terdapat di dalam beg tersebut kepada SP6. Kemudian ('SP5') dan pasukannya telah melakukan serbuan dan merampas barang kes. Di akhir kes pendakwaan, hakim bicara mendapati kes prima facie telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan dan seterusnya mengarahkan perayu untuk membela diri atas pertuduhan. Perayu menyatakan bahawa dia telah dihubungi oleh rakannya bernama Joe untuk memulangkan beg milik Joe. Pada hari kejadian perayu telah dihubungi oleh seorang yang tidak dikenali yang memaklumkan bahawa Joe ada bersama beliau dalam sebuah kereta Nissan Sentra warna *silver* di hadapan kedai 7-Eleven. Perayu telah pergi ke tempat yang dinyatakan dan setibanya di sana, dia telah disapa oleh seorang lelaki yang memintanya masuk

ke dalam kereta tersebut. Ketika di dalam kereta tersebut, lelaki tersebut meminta beg yang dibawa oleh perayu dan kemudian kereta tersebut diserbu oleh pihak polis. Perayu menafikan pengetahuan tentang dadah tersebut serta perbualan telefon dengan lelaki tersebut mengenai jual beli dadah. Di akhir kes pembelaan, perayu telah disabitkan dengan pertuduhan dan dihukum gantung sampai mati. Perayu kemudian telah memfailkan rayuan ini atas alasan-alasan: (a) hakim bicara terkhilaf apabila mengguna pakai kedua-dua anggapan terhadap elemen pengetahuan dan pengedaran; (b) hakim bicara gagal memberi pertimbangan dengan secukupnya terhadap keterangan pembelaan perayu; (c) kelakuan perayu telah menidak pengetahuan perayu terhadap barang kes dadah; (d) anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta') tidak boleh terpakai terhadap perayu atas ketidakpanggilan Joe; (e) terdapat percanggahan material dalam keterangan SP5 dan SP6; (f) kegagalan saksi-saksi SP5, SP6 dan SP7 mengecam barang kes menyebabkan putus rantaian keterangan mengenai barang kes; dan (g) hakim bicara mengambil kira fakta yang tidak dibuktikan.

Diputuskan, membenarkan rayuan dan melepaskan dan membebaskan perayu daripada tuduhan:

(1) Hakim bicara telah terkhilaf apabila mengguna pakai kedua-dua anggapan statutori di bawah s 37(d) ADB untuk elemen milikan mens rea dan s 37(da) ADB untuk elemen pengedaran. Seksyen 37A ADB yang membenarkan kedua-dua anggapan 'statutory' diguna pakai hanya mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2014. Oleh kerana tangkapan perayu dan rampasan barang kes berlaku pada 26 Januari 2013 iaitu sebelum tarikh kuatkuasa tersebut, peruntukan tersebut tidak terpakai secara kebelakangan. Hakim bicara juga telah gagal membuat dapatan sama ada anggapan tersebut telah berjaya dipatahkan oleh pihak pembelaan atas imbangan kebarangkalian (lihat perenggan 21 & 23).

(2) Hakim bicara telah gagal membuat penilaian secukupnya ke atas pembelaan perayu. Kegagalan tersebut merupakan satu salah arah kerana ketidakpatuhan terhadap kehendak di bawah s 182A(1) Kanun Tatacara Jenayah dan ianya telah mendatangkan prejudis serta ketidakadilan terhadap perayu (lihat perenggan 27).

(3) Mahkamah bersetuju bahawa kelakuan perayu yang tidak cuba melarikan diri dan tidak bergelut semasa ditangkap menunjukkan bahawa perayu tidak mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang terkandung di dalam beg tersebut (lihat perenggan 28).

(4) Hakim bicara telah terkhilaf apabila berpegang kepada keputusan dalam kes *Choo Chang Teik & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 423 apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 114(g) terhadap perayu. Kes tersebut wajar dibezakan kerana pembelaan perayu di dalam kes tersebut adalah atas isu ketidakwarasan akal di bawah s 84 Kanun

Keseksaan. Untuk pembelaan sedemikian, terdapat peruntukan di bawah s 105 Akta yang meletakkan beban pembuktian ke atas tertuduh (lihat perenggan 30).

(5) Mahkamah mendapati dakwaan pihak pendakwaan bahawa terdapat percanggahan material antara keterangan SP5 dan SP6 kerana tiada penjelasan bilakah ketulan mampat tersebut dimasukkan semula ke dalam plastik merah dan seterusnya plastik hitam tersebut adalah tidak bermerit (lihat perenggan 33).

(6) Berdasarkan nota keterangan, tiada sebarang catatan atau rekod tentang penandaan barang kes dan juga pengecaman terhadap barang kes dadah dalam kes ini. Oleh itu, terdapat kelompongan yang serius dalam kes pendakwaan dari segi terputusnya rantaian keterangan mengenai barang kes (lihat perenggan 34).

(7) Mahkamah mendapati 'Lekuk' adalah sebenarnya perayu dalam kes ini walaupun SP6 dan 'Lekuk' tidak pernah bertemu sebelum kejadian tangkapan dan rampasan pada 26 Januari 2013. Hujahan peguambela bahawa hakim bicara bergantung kepada 'conjecture' adalah tidak tepat (lihat perenggan 36).

[Bahasa Malaysia summary

The appellant was charged for the offence of trafficking dangerous drugs under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA'). The prosecution was, by a telephone conversation between D/Kpl Norhisham bin Mustapar ('SP6') and the appellant was also known by the name 'Lekuk', the appellant had agreed to supply ¼kg of ganja to SP6. On the day of the arrest, the appellant had gone to the car driven by SP6 whilst holding a black bag with the words 'Digi' and later proceeded to enter the back seat of the said car. The appellant further showed slabs of dried leaves found in the said bag to SP6. Subsequently Insp Mohamad Nazri bin Nordin ('SP5') and his team had conducted a raid and seized the case goods. At the end of the prosecution's case, the trial judge found that a prima facie case had been proven by the prosecution and further directed the appellant to inter his defence against the charge. The appellant stated that he was contacted by his friend named Joe to return a bag belonging to Joe. On the day of the event the appellant had informed by an unidentified person who informed that Joe was with him in a silver Nissan Sentra car in front of a 7-Eleven shop. The appellant went to the place stated and upon his arrival there, he was called by a man who asked him to enter the said car. While in the car, the man asked for the bag carried by the appellant and then the car was raided by the police. The appellant denied having knowledge of the drugs and the telephone conversation with the man about sale and purchase of the drugs. At the end pf the defence case, the appellant was convicted for the offence and sentenced to be hanged to death. Subsequently the appellant filed this appeal on the grounds that: (a) the trial judge had erred

when applying the two presumptions against the element of knowledge and trafficking; (b) the trial judge had failed to sufficiently consider the evidence of the appellant's defence; (c) the conduct of the appellant had shown he had no knowledge of the drugs case item; (d) the presumption under s 114(g) of the Evidence Act 1950 ('the Act') was not applicable to the appellant for not calling Joe; (e) there was a material discrepancy in the evidence of SP5 and SP6; (f) the failure of the witnesses of SP5, SP6 and SP7 condemning the case item cause the break of the chain of evidence of the case item; and (g) the trial judge had considered the fact not established.

Held, allowing the appeal and acquitting and releasing the appellant form the charge:

(1) The trial judge had erred when applying the two statutory presumptions under s 37(d) of the DDA for the element of mens rea possession and s 37(da) of the DDA for the element of trafficking. Section 37A of the DDA which allows the application of the two 'statutory' presumptions was only enforced on 15 February 2014. As the arrest of the appellant and the seizure of the case item happened on 26 January 2013 ie before the effective date, the provision could not be applied retrospectively. The trial judge also failed to make a finding on whether the presumption had been rebutted by the defence on the balance of probabilities (see paras 21 & 23).

(2) The trail judge had failed to make a sufficient evaluation on the defence of the appellant. The failure constituted a irregularity as to the non-compliance of the requirement under s 182A(1) of the Criminal Procedure Code and this resulted in a prejudice and injustice against the appellant (see para 27).

(3) The court agreed that the conduct of the appellant not trying to escape and not resiting when arrested showed that the appellant had no knowledge of the drugs contained in the bag (see para 28).

(4) The trial judge had erred in maintaining to the decision of the case of *Choo Chang Teik & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 423 whilst applying the presumption under s 114(g) against the appellant. This case was proper to be distinguished as the defence of the appellant in the said case was on the issue of unsound mind under s 84 of the Penal Code. For such defence, the provision under s 105 of the Act places the burden of proof on the accused (see para 30).

(5) The court found that the allegation of the prosecution that there was a material discrepancy between the evidence of SP5 and SP6 as there was no explanation when the compressed slabs were wrapped again in a red plastic and then a black plastic was without merit (see para 33).

(6) Based on the notes of evidence, there was no note or record on the

marking of the case item and also the identification of the drugs case item in this case. Therefore, there was a serious lacuna in the prosecution case as in the break of the chain of evidence regarding the case item (see para 34).

(7) The court found 'Lekuk' was the real appellant in this case even though SP6 and 'Lekuk' had never met before the event of arrest and seizure on 26 January 2013. The submission of the solicitor that the trial judge depended on the 'conjecture' was not accurate (see para 36).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai mengedar dadah berbahaya, lihat 7(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 2620–2638.

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a), lihat 4(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 991–1005.

Kes-kes yang dirujuk

Choo Chang Teik & Anor v PP [1991] 3 MLJ 423, MA (dibeza)
Dalip Bhagwan Singh v PP [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645, MP (dirujuk)
Goh Ah Yew v PP [1949] MLJ 150 (dirujuk)
Illian & Anor v PP [1988] 1 MLJ 421 ; [1998] 1 LNS 139, MA (refd)
Noor Azman Abidin v PP [2014] 1 CLJ 58, MR (dirujuk)
Ooi Hock Kheng v PP [2014] 5 MLJ 585; [2015] 1 MLRA 425, MR (dirujuk)
PP v Chia Leong Foo [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649, MT (dirujuk)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89, PC (dirujuk)
Prasit Punyang v PP [2014] 4 MLJ 282; [2014] 7 CLJ 392, MR (dirujuk)
Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v PP [2014] 6 MLJ 408; [2014] 4 CLJ 406, MR (dirujuk)
Soorya Kumar a/l Narayanan @ Narayanasamy v PP [2011] 5 MLJ 774; [2009] 6 CLJ 257, MR (dirujuk)
Ugonna Philip Nwankwo v PP [2016] MLJU 285; [2016] 2 CLJ 247, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), (da), 37A , 39B(1)(a)
Akta Keterangan 1950 ss 105, 114(g)
Kanun Acara Jenayah s 182A(1)
Kanun Keseksaan s 84

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45A-161–08 Tahun 2013 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Afifuddin bin Ahmad Hafifi (Sallehuddin Saidin & Assoc) bagi pihak perayu.
Nurshafini bt Mustafha (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Kamardin Hashim HMR:

[1] Ini adalah rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman mati yang dijatuhkan oleh hakim Mahkamah Tinggi di Shah Alam atas kesalahan mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB').

[2] Pertuduhan dimana perayu telah disabitkan dibaca seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 26.1.2013, jam lebih kurang 11.45 pagi, bertempat di hadapan 7-Eleven Jalan PJS 6/5F, Desa Mentari, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah mengedar dadah berbahaya iaitu Cannabis seberat 239 gram dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

KES PENDAKWAAN

[3] Fakta kes pihak pendakwaan secara ringkasnya adalah seperti berikut. Pada 21 Januari 2013 jam 10 pagi, D/Kpl Norhisham bin Mustapar ('SP6') telah menerima maklumat dari sumber mengenai aktiviti pengedaran dadah di Kawasan Desa Mentari, Petaling Jaya oleh seorang lelaki Melayu dikenali sebagai 'Lekuk'. Maklumat diterima telah disampaikan kepada Insp Mohamad Nazri bin Nordin ('SP5'). Arahan diberikan oleh SP5 untuk siasatan lanjut diteruskan oleh SP6.

[4] Pada 22 Januari 2013, SP6 telah menghubungi nombor telefon 'Lekuk' yang diberikan oleh sumber. Dalam perbualan itu, SP6 telah meminta bekalan ½kg dadah ganja. 'Lekuk' bersetuju untuk membekalkan ½kg ganja kepada SP6 dan akan menghubungi SP6 semula setelah bekalan ganja diperolehi.

[5] Pada 25 Januari 2013 jam lebih kurang 2.30 petang, SP6 telah menerima panggilan telefon dari 'Lekuk' menyatakan bekalan ¼kg ganja telah sedia untuk diserahkan dengan harga RM550. Terdapat tawar menawar harga namun 'Lekuk' tetapkan harga kekal RM550. Transaksi jual-beli dipersetujui akan dilakukan pada keesokan hari, iaitu pada 26 Januari 2013 sekitar jam 11.30 pagi di Jalan PJS 6/5F, Desa Mentari, Petaling Jaya.

[6] Pada 26 Januari 2013 jam lebih kurang 10 pagi, SP6 dan D/Kpl Azrul telah menaiki kenderaan Nissan Sentra JKT 8509 berada di tempat yang dijanjikan. Manakala satu pasukan serbuan diketuai oleh SP5 turut membuat pemerhatian di sekitar tempat kejadian. Telah dipersetujui semasa taklimat bahawa SP6 hendaklah menekan berek sebanyak tiga kali sekiranya target ada membawa dadah seperti dijanjikan sebagai isyarat supaya SP5 melakukan serbuan dan tangkapan.

[7] Setelah berada di hadapan 7-Eleven, SP6 telah menghubungi 'Lekuk' dan dimaklumkan 'Lekuk' akan tiba di situ lebih kurang jam 11.30 pagi. Pada jam lebih kurang 12.10 tengahari, SP6 melihat satu lelaki datang dengan berjalan kaki dari arah hadapan kenderaan beliau sambil menjinjit satu beg berwarna hitam bertulisan 'Digi'. Setelah sampai di kenderaan dinaiki oleh SP6, lelaki Melayu itu terus masuk ke dalam kereta di tempat duduk belakang. Lelaki itu mengesahkan bahawa dia adalah 'Lekuk'.

[8] 'Lekuk' telah membuka beg hitam bertulisan 'Digi' dan SP6 dapat melihat di dalamnya sebuah beg plastik berwarna merah. 'Lekuk' telah membuka beg plastik merah tersebut dan menunjukkan satu ketulan mampat daun kering kepada SP6 yang disyaki dadah ganja. SP6 telah memberi isyarat dengan menekan berek tiga kali.

[9] Setelah melihat isyarat yang diberikan oleh SP6, SP5 dan pasukannya telah melakukan serbuan dan telah berjaya menahan 'Lekuk' yang dicamkan sebagai perayu dalam kes ini. Rampasan barang kes dilakukan oleh SP5 sebelum perayu dan rampasan dibawa balik ke balai untuk tindakan lanjut.

[10] Barang kes satu ketulan mampat tumbuhan kering disyaki ganja telah di hantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Ahli kimia, Dr Vanitha a/p Kunalan (SP4) mengesahkan hasil analisis yang dilakukan, ketulan mampat tumbuhan kering tersebut mengandungi dadah berbahaya jenis kanabis seberat 239g, hal perkara pertuduhan.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[11] Hakim bicara membuat dapatan bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes 'prima facie' terhadap perayu. Hakim bicara menerima keterangan SP5 dan SP6 bahawa barang kes dadah berada dalam milikan sebenar perayu oleh kerana dadah yang dipertuduhkan berada di dalam beg yang dijinjit oleh perayu. Hakim bicara juga mendapati bahawa perayu telah memiliki dadah yang dipertuduhkan dengan pengetahuan salah dan bahawa dadah itu dimiliki untuk tujuan diedarkan. Oleh itu perayu telah diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan.

KES PEMBELAAN

[12] Perayu telah memberi keterangan dengan membela diri secara bersumpah. Pembelaan perayu ringkasnya adalah seperti berikut:

(a) beliau bekerja dengan Syarikat DIGI di Seksyen 14, Petaling Jaya sejak dari tahun 2007. Rakan-rakan memanggil beliau sebagai 'Boy' dan

teman sekerja beliau bernama 'Joe' atau nama sebenarnya Raja Azizul bin Raja Abdullah menggelar beliau 'Lekuk'. Beliau telah beristeri dan mempunyai dua orang anak;

(b) pada malam 25 Januari 2013, rakan beliau bernama Joe ada menghubungi beliau meminta memulangkan sebuah beg yang disimpan dalam but kereta beliau, Proton Wira WDW 8572 selepas selesai mereka bermain futsal ketika mereka berhenti disebuah kedai makan pada hari yang sama;

(c) pada 26 Januari 2013 jam lebih kurang 10.30 pagi beliau telah bertolak dari rumah pergi ke Desa Mentari untuk memulangkan beg tersebut kepada Joe. Beliau tiba di sana jam 11 pagi dan menunggu Joe di sebuah kedai mamak. Kereta beliau letakkan di tepi kedai mamak tersebut. Semasa menunggu 'Joe', beliau telah terima satu panggilan telefon dari pemanggil yang beliau tidak kenali dan bertanya sama ada beliau adakah 'Lekuk'. Beliau telah mengakui bahawa dia adalah 'Lekuk'. Pemanggil telah memaklumkan Joe berada bersama dengannya dalam sebuah kereta Nissan Sentra warna *silver* yang di letak di hadapan kedai 7-Eleven;

(d) apabila beliau sampai di hadapan 7-Eleven, beliau nampak seorang lelaki melambai kepadanya serta menyapa beliau serta bertanya sama ada beliau 'Lekuk'. Lelaki itu telah meminta beliau untuk masuk ke dalam kereta Nissan Sentra tersebut;

(e) setelah beliau masuk ke dalam kereta Nissan Sentra tersebut, lelaki tersebut meminta beg yang beliau bawa dan tiba-tiba kereta itu diserbu oleh pihak polis; dan

(f) beliau menafikan pengetahuan terhadap dadah yang berada di dalam beg tersebut, menafikan perbualan telefon dengan lelaki itu mengenai dadah dan menafikan perbualan dengan pihak polis berkenaan jual-beli dadah.

DAPATAN HAKIM BICARA DIAKHIR KES PEMBELAAN

[13] Hakim bicara mendapati pembelaan perayu bersifat rekaan, penafian kosong dan berbentuk satu pemikiran terkemudian. Selain itu hakim bicara menolak pembelaan perayu sebagai tidak munasabah dan tidak kredibel. Hakim bicara menerima keterangan SP5 dan SP6 oleh kerana tiada alasan untuk menolak keterangan SP6 dan tiada alasan untuk SP5 dan SP6 mereka-reka cerita untuk memerangkap perayu.

[14] Hakim bicara juga mengguna pakai anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap kegagalan perayu untuk memanggil Joe sebagai saksi pihak pembelaan. Selanjutnya hakim bicara mendapati pihak pembelaan

gagal menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan, manakala pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Perayu telah disabitkan atas pertuduhan dan dihukum gantung hingga mati.

RAYUAN PERAYU

[15] Di hadapan kami, peguambela terpelajar Encik Afifuddin Ahmad Hafifi telah menghujahkan tujuh alasan rayuan perayu. Alasan-alasan itu adalah:

(a) hakim bicara terkhilaf apabila mengguna pakai kedua-dua anggapan terhadap elemen pengetahuan dan juga elamen pengedaran;

(b) hakim bicara gagal memberi pertimbangan dengan secukupnya keterangan pembelaan perayu;

(c) kelakuan perayu telah menidak pengetahuan perayu terhadap barang kes dadah;

(d) anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak boleh terpakai terhadap perayu atas ketidakpanggilan Joe;

(e) terdapat percanggahan material dalam keterangan SP5 dan SP6;

(f) kegagalan saksi-saksi SP5, SP6 dan SP7 mengecam barang kes menyebabkan putus rantaian keterangan mengenai barang kes; dan

(g) hakim bicara mengambil kira fakta yang tidak dibuktikan.

DAPATAN KAMI

[16] Untuk alasan rayuan yang pertama, peguambela terpelajar menghujahkan bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila telah mengguna pakai kedua-dua anggapan pemilikan di bawah s 37(d) ADB dan anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB. Hakim bicara telah mengguna pakai kedua-dua anggapan secara sewenang-wenang walaupun hakim bicara mendapati terdapat keterangan langsung yang mencukupi untuk membuktikan kedua-dua elemen milikan dan juga elemen pengedaran. Walau bagaimanapun diakhir kes pembelaan, hakim bicara gagal untuk membuat sebarang dapatan sama ada pihak pembelaan telah berjaya mematahkan kedua-dua anggapan tersebut atas imbangan kebarangkalian. Peguambela menghujahkan wujud kecelaruan dan ketidaktentuan dalam penghakiman hakim bicara mengenai sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes mereka berdasarkan kepada anggapan ataupun melalui keterangan langsung (*direct evidence*). Akhirnya dihujahkan ini telah mendatangkan prejudis kepada pihak perayu.

[17] Kami bersetuju dengan hujahan peguambela terpelajar. Setelah meneliti penghakiman hakim bicara, kami mendapati bantahan oleh peguambela terpelajar adalah berasas. Kami perturunkan dapatan-dapatan berikut dalam penghakiman hakim bicara yang menjadi asas bantahan peguambela terpelajar:

(a) di ms 10–11 *AR* Jld 1:

> Memandangkan pihak pendakwaan telah membuktikan bahawa Tertuduh mempunyai kawalan dan jagaan terhadap barang kes dadah tersebut, maka anggapan di bawah Seksyen 37(da) ADB 1952 adalah terpakai bagi membuktikan bahawa Tertuduh mempunyai pemilikan dan pengetahuan terhadap dadah yang dijumpai di dalam beg hitam 'DIGI' P10 sehingga dibuktikan sebaliknya.

(b) di ms 12 *AR* Jld 1:

> Melalui keterangan SP5 dan SP6, elemen pengetahuan oleh Tertuduh ini ke atas dadah yang dijumpai tersimpan di dalam beg DIGI P10 itu berjaya dibuktikan berdasarkan:
>
> (i) SP5 dan SP6 melihat Lekuk datang berjalan berseorangan dengan membawa ekshibit P10.
>
> (ii) Lekuk telah membuka beg DIGI P10 dan menunjukkan isi kandungannya (ekshibit P9(2) kepada SP6.

(c) juga di ms 12 *AR* Jld 1:

> Tindakan serta perbuatan Tertuduh semasa kejadian jelas menunjukkan bahawa Tertuduh bukan sahaja berada di dalam milikannya dadah-dadah tersebut, malahan berlaku perbuatan mengedar sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 yang mentakrifkan maksud pengedaran. Walaupun 'milikan' tidak termasuk di bawah definasi mengedar, perbuatan Tertuduh yang mengangkut dan membawa dadah dari satu tempat ke tempat lain itu, adalah terjumlah daripada perbuatan mengedar. Ini berdasarkan kepada keterangan bahawa tindakan Tertuduh yang dilakukan olehnya membawa dadah tersebut yang disorokkan di dalam beg hitam DIGI P10 tersebut. Berdasarkan kepada cara dadah tersebut dibawa dan disembunyikan, *'irresistable inference*' boleh dibuat bahawa Tertuduh sememangnya berniat untuk mengedarkan dadah berbahaya tersebut.
>
> Jelaslah, perbuatan Tertuduh tersebut terjumlah kepada pengedaran secara langsung sebagaimana yang didefinisikan di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya, 1952.

(d) dan seterusnya di ms 25 *AR* Jld 1, hakim bicara menyatakan anggapan pengedaran terpakai:

> Meneliti pula kepada berat dadah tersebut, ia dengan sendirinya mencukupi dari segi undang-undang untuk menganggap yang Tertuduh mengedar dadah tersebut.

[18] Mahkamah ini dalam kes-kes terdahulu telah dengan jelas memutuskan bahawa dalam situasi dan keadaan yang serupa di mana hakim bicara bergantung kepada keterangan langsung dan secara alternatif telah mengguna pakai anggapan di bawah ADB, adalah sesuatu yang tidak wajar. Dengan berbuat demikian, perayu telah diprejudiskan dari segi beban untuk mengemukakan keterangan (*evidential burden*) sama ada untuk mengemukakan keterangan bagi menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes 'prima facie' pihak pendakwaan ataupun mengemukakan keterangan untuk mematahkan anggapan atas imbangan kebarangkalian seperti yang telah diputuskan dalam kes *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89.

[19] Dalam kes *Seyedalireza Seyedhedayatollah Ehteshamiardestani v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 408; [2014] 4 CLJ 406, mahkamah ini telah memutuskan isu yang sama seperti berikut:

> [21] In our view, the approach of not electing or making a finding on which presumption that was invoked but by merely relying on the alternative, is most undesirable. It reflects the uncertainty on the part of the trial judge to make a finding. The trial judge ought to make the necessary finding ie whether it was actual or presumed possession and whether it was presumed or actual trafficking based on the evidence before her. We are further of the view that it is important that such a finding be made as it impacts the burden placed on the defence.
>
> [22] In this regard we echo the views of Augustine Paul J (as His Lordship then was) in the case of *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649 :
>
> > It must first be observed that reliance on the presumption provisions where there is available evidence of the facts to be presumed will be unfavorable to the accused. This is because where the court relies on a statutory provision relating to a presumption of law like the presumption provisions it is bound to take the fact as proved until evidence to the contrary is given, on a balance of probabilities, to disprove it (see *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 69; *Nagappan Kuppusamy v Public Prosecutor* [1988] 2 MLJ 53). *This results in a legal burden being imposed on an accused person though it is not illegal. Failure to discharge the burden, even where a reasonable doubt as to guilt exists, will be followed by conviction (see State v Mello & Anor* [1999] 1 LRC 215). However, if the court had acted on the available evidence in proof of the relevant ingredients without resorting to presumptions there is only an evidential burden on an accused person to raise a reasonable doubt. The indiscriminate use of presumptions when there is evidence of the facts to be presumed will be unfavorable to the accused as it will place a heavier burden on him which could have been avoided. Fairness to the accused therefore demands that the presumption provisions are used only when there is no evidence of the facts to be presumed.
>
> [23] In the instant case, it is our judgment that the failure of the learned trial judge to make a finding as to which presumption was relied upon for possession and

trafficking and the failure to consider whether the appellant had rebutted the presumption, amounts to a misdirection by way of non-direction which has prejudiced the appellant.

[20] Dalam keputusan terbaru oleh mahkamah ini dalam kes *Ugonna Philip Nwankwo v Public Prosecutor* [2016] MLJU 285; [2016] 2 CLJ 247 sekali lagi telah mengulangi dan menekankan perihal perkara yang sama seperti berikut:

[25] We will consider the first and the second grounds of appeal together. It cannot be denied that reading the grounds of judgment as a whole, we were left in a state of doubt whether the prima facie case on the second charge was premised on presumed possession under s 37(d) and trafficking under s 2 of the Act or whether it was on actual possession and presumed trafficking under s 37(da) of the Act.

[26] This court had the occasion to consider similar issues in *Seyedalireza*. The learned trial judge in *Seyedalireza* had committed the same error where Her Ladyship had invoked both presumptions under s 37(d) and (da) of the Act in the alternative and had failed to make a finding at the end of the defence case as to whether the appellant had rebutted the presumption.

[27] In *Seyedalireza*, this court had unanimously ruled that the approach of the trial judge in merely relying on the alternative without electing or making a finding whether it was actual or presumed possession and whether it was presumed or actual trafficking based on the evidence before the trial judge, amounted to a misdirection by way of a non-direction. The order of conviction and sentence of the High Court was set aside and the appellant was acquitted and discharged. The order of this court in *Seyedalireza* was affirmed by the Federal Court vide Mahkamah Persekutuan Rayuan Jenayah 05–53–03–2014(B).

(lihat sama *Soorya Kumar a/l Narayanan @ Narayanasamy v Public Prosecutor* [2011] 5 MLJ 774; [2009] 6 CLJ 257; *Public Prosecutor v Chia Leong Foo* [2000] 6 MLJ 705; [2000] 4 CLJ 649 dan *Ooi Hock Kheng v Public Prosecutor* [2014] 5 MLJ 585; [2015] 1 MLRA 425).

[21] Kami juga mendapati bahawa hakim bicara telah terkhilaf apabila mengguna pakai kedua-dua anggapan statutori di bawah s 37(d) untuk elemen milikan *mens rea* dan s 37(da) untuk elemen pengedaran. Seksyen 37A ADB yang membenarkan kedua-dua anggapan *statutory* diguna pakai hanya mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2014. Oleh kerana tangkapan dan rampasan barang kes dadah dalam kes terhadap perayu berlaku pada 26 Januari 2013, sebelum tarikh kuatkuasa peruntukan baru s 37A tersebut, pada hemat kami peruntukan itu yang berbentuk undang-undang substantif tidak terpakai secara kebelakangan. Dengan itu, s 37A yang membenarkan kedua-dua anggapan tidak terpakai terhadap kes perayu.

[22] Dalam kes *Dalip Bhagwan Singh v Public Prosecutor* [1998] 1 MLJ 1; [1997] 4 CLJ 645, keputusan Mahkamah Persekutuan jelas mengenai prinsip undang-undang berkaitan pemakaian secara kebelakangan peruntukan

undang-undang substantif seperti berikut:

> In respect of legislation on substantive law, there is a rule of presumption that it is not retrospective in operation in the absence of a contrary intention by express words or by necessary implication. Conversely, in respect of legislation on evidence or procedure, the presumption is that it is retrospective in operation in the absence of a contrary intention, unless, the application of such legislation deprives a person of a vested right and offends art 7 of the Federal Constitution.

[23] Setelah meneliti penghakiman hakim bicara, kami mendapati diakhir kes hakim bicara telah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melalui pemakaian anggapan milikan dan juga pengedaran. Namun pada masa yang sama, hakim bicara membuat dapatan fakta yang positif bahawa kedua-dua elemen tersebut telah berjaya dibuktikan melalui keterangan langsung. Pada hemat kami hakim bicara telah tersalah arah dirinya melalui ketidakarahan sehingga menimbulkan ketidaktentuan dan kecelaruan tentang dapatan beliau terhadap kedua-dua elemen utama pertuduhan terhadap perayu. Kami bersetuju atas salah arahan kerana ketidakarahan oleh hakim bicara ini telah menimbulkan prejudis terhadap perayu. Sekiranyapun hakim bicara telah menggunakan dengan betul salah satu anggapan statutori di bawah ADB untuk membuktikan salah satu elemen pertuduhan, kami mendapati hakim bicara telah gagal membuat dapatan sama ada atau tidak anggapan tersebut telah berjaya dipatahkan oleh pihak pembelaan atas imbangan kebarangkalian.

[24] Alasan kedua rayuan perayu adalah atas kegagalan hakim bicara memberi penghargaan secukupnya sebelum mendapati pembelaan perayu sebagai tidak munasabah, sukar dipercayai, satu penafian kosong, satu rekaan dan satu pemikiran terkemudian. Dihujahkan hakim bicara gagal memberi perhatian terhadap keterangan SP5, SP6 serta keterangan perayu berkaitan dengan pengetahuan yang menjadi asas elemen milikan. Keterangan-keterangan matan SP5 dan SP6 menjurus kepada dua set keterangan yang berbeza. Keterangan SP5, SP6 dan perayu adalah seperti berikut:

SP5 (di mukasurat 47 AR Jld 1)

> Q: Bila awak suruh saspek keluar dari kereta beg itu ada di mana?
>
> A: Dia bawa keluar dari kereta.

SP6 (di mukasurat 64–65 AR Jld 1)

> Q: Semasa keluar dari kereta atas arahan Inspektor Nazri, beg dibawa bersama keluar?
>
> A: Semasa itu beg bersama Inspektor Nazri.
>
> Q: Inspektor Nazri ambil beg daripada dalam kereta?

A: Ya, bersama dengan OKT.

Q: Bukan OKT yang bawa keluar beg itu bersama dia?

A: Ya, bukan.

Perayu (di mukasurat 88 AR Jld 1)

Q: Dia minta beg atau kamu bawa?

A: Dia minta beg dan saya terus bagi

...

Q: Seingat kamu, masa kamu di dalam kereta itu sebelum diserbu ada beg itu dibuka di hadapan kamu?

A: Tidak ada.

Q: Semasa kamu diserbu, beg itu ada dengan siapa?

A: Dekat driver.

[25] Pembelaan perayu adalah bahawa beg berisi ganja tersebut telah ditinggalkan oleh Joe di dalam kereta perayu. Pada masa kejadian perayu mahu menyerahkan semula beg itu kepada Joe setelah menerima panggilan telefon dari orang yang tidak dikenali kononnya bercakap bagi pihak Joe. Keterangan ini dihujahkan telah gagal dipertimbangkan oleh hakim bicara. Juga dihujahkan bahawa pembelaan perayu bukanlah seperti didakwa oleh hakim bicara sebagai satu penafian rekaan dan pemikiran terkemudian. Keterangan perayu mengenai perkara ini di ms 81 dan 83 *AR* Jld 1, seperti berikut:

Q: Boleh beritahu Mahkamah siapa Joe?

A: Dia adalah kawan saya bernama Raja Azizul bin Raja Abdullah yang sebaya dengan saya. Joe bekerja di Digi, Seksyen 13, Petaling Jaya. Saya bekerja di Digi Seksyen 14, Petaling Jaya.

...

Q: Malam itu Joe telefon kamu?

A: Ada.

Q: Bila Joe telefon?

A: Saya tidak pasti pukul berapa dia telefon saya. Dia telefon saya pada waktu malam itu tetapi saya tidak pasti pukul berapa.

Q: Kenapa Joe telefon kamu?

A: Dia ingin mengambil beg yang dia tumpangkan dekat saya.

Q: Apa kamu kata?

A: Saya kata sudah lewat dan saya kata esok.

[26] Dalam kes Mahkamah Rayuan, *Noor Azman Abidin v Public Prosecutor*

A [2014] 1 CLJ 58 telah diputuskan seperti berikut:

> [12] The hallmark of judgment writing in criminal case is achieved only when there has been a just and fair assessment of the defence story as long as it is not inherently incredible taking into consideration that it is for the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt at the prosecution case as well as the defence stage, notwithstanding the fact where the law may require the defence to rebut the charge on balance of probabilities. Lack of proper assessment will in actual fact compromise the integrity of the decision making process, making the conviction unsafe. The related jurisprudence on assessment of the defence case was eloquently stated by Justice Sharma as early as 1971 in the case of *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 in the following words:
>
> > A conviction cannot be sustained even if the court is satisfied that the prosecution story 'may be true' unless and until it is found that the prosecution's story 'must be true'. The burden of proof remains on the prosecution throughout the trial. If the learned magistrate was not satisfied with the case of the prosecution it was his duty to acquit and discharge the accused at the close of the prosecution's case. The falsity of the defence does not relieve the prosecution from proving the prosecution's case beyond reasonable doubt.

[27] Meneliti penghakiman hakim bicara, kami mendapati ada merit dalam hujahan peguambela atas isu kegagalan hakim bicara membuat penilaian secukupnya pembelaan perayu. Kegagalan itu adalah merupakan satu salah arah kerana ketidakarahan terhadap kehendak di bawah s 182A(1) Kanun Acara Jenayah dan ianya telah mendatangkan prejudis serta ketidakadilan terhadap perayu (*Prasit Punyang v Public Prosecutor* [2014] 4 MLJ 282; [2014] 7 CLJ 392).

[28] Alasan ketiga rayuan perayu, dihujahkan kelakuan perayu menunjukkan tidak ada pengetahuan dipihak perayu terhadap barang kes dadah yang dipertuduhkan yang terkandung dalam beg hitam Digi yang dijinjit oleh perayu. Kelakuan perayu yang dihujahkan oleh peguambela yang memihak kepada perayu termasuklah ketiadaan cubaan dari perayu untuk melarikan diri dan tidak pernah bergelut sewaktu dia ditangkap. Perayu sendiri telah membawa keluar beg Digi tersebut dari dalam kereta walaupun selepas SP5 memperkenalkan diri sebagai pegawai polis. Hakim bicara menyimpulkan perayu mempunyai pengetahuan terhadap dadah yang dipertuduhkan atas alasan perayu dalam keadaan tergamam. Keadaan ini berlaku ketika perayu berada di dalam kereta dan pintu kereta telah dibuka secara tiba-tiba dari luar oleh anggota pasukan serbuan. Dihujahkan dalam keadaan sedemikian perayu tergamam atau terkejut adalah satu reaksi biasa. Malahan dihujahkan SP6 turut terkejut apabila perayu membuka pintu dan terus masuk ke dalam kereta beliau. Kami bersetuju. Di ms 57 *AR* Jld 1, SP6 menyatakan:

Q: Ada Lekuk sampai selepas itu?

A: Lebih kurang jam 12.10 minit satu lelaki datang dari arah hadapan kenderaan yang saya bawa, terus masuk membuka pintu kereta saya dan sayapun *terkejut* dan saya tanya awak siapa? Dan beliau cakap beliau adalah Lekuk. Dia terus masuk dan duduk di bahagian belakang.

[29] Alasan keempat rayuan adalah bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak pembelaan atas kegagalan untuk memanggil Joe sebagai saksi. Kami bersetuju dengan hujahan peguambela. Di ms 22–23 *AR* Jld 1, hakim bicara membuat dapatan seperti berikut:

Mengenai Joe pula mengapakah Joe tidak dikemukakan sebagai saksinya, sedangkan menurut Tertuduh, dia telah mengenali Joe selama 3 tahun dan sering bermain Futsal bersama.

Oleh yang demikian, andaian di bawah Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1952, terpakai ke atas Tertuduh.

Di dalam kes *Choo Chang Teik & Anor* [1991] 3 MLJ 423 , Mahkamah Agung secara prinsipnya bersetuju bahawa *'adverse inference'* di bawah Seksyen 114(g) Akta Keterangan boleh digunakan terhadap tertuduh atas kegagalannya untuk membawa keterangan yang boleh membantunya menyangkal pertuduhan.

It was for the defence to call that evidence and if they did not do so the jury might draw the unfavorable inference provided for by s 114(g) of the Evidence Ordinance that is to accused … in such a case there is an onus on the defence that is to prove that the accused was insane.

[30] Pada hemat kami hakim bicara telah terkhilaf apabila berpegang kepada keputusan dalam kes *Choo Chang Teik & Anor v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 423 apabila mengguna pakai anggapan di bawah s 114(g) terhadap perayu. Kes itu wajar dibezakan. Di dalam kes yang disebutkan, pembelaan perayu di dalam kes itu adalah atas isu ketidakwarasan akal (*insanity*) di bawah s 84 Kanun Keseksaan. Untuk pembelaan sedemikian, terdapat peruntukan di bawah s 105 Akta Keterangan 1950 yang memperuntukkan seperti berikut:

105 Burden of proving that case of accused comes within exceptions.

When a person is accused of any offence, the burden of proving the existence of circumstances bringing the case within any of the general exceptions in the Penal Code, or within any special exception or proviso contained in any other part of the same Code, or in any law defining the offence, is upon him, and the court shall presume the absence of these circumstances.

ILLUSTRATIONS

(a) A accused of murder alleges that by reason of unsoundness of mind he did not know the nature of the act.

The burden of proof is on A.

A (b) ...

(c) ...

[31] Dalam kes *Goh Ah Yew v Public Prosecutor* [1949] MLJ 150, Hakim B Spencer Wilkinson telah memutuskan seperti berikut:

> In the course of a long address to the Assessors the Deputy Public Prosecutor who conducted the trial in the Court below put forward various propositions of law which were quite untenable. In the first place, he invited the Assessors to draw an inference against the appellant by reason of his failure to call a certain witness who C was present in Court and available. He relied upon paragraph (g) of section 114 of the Evidence Enactment as showing that a presumption arose that the evidence of this witness would not have corroborated that of the appellant. No such inference, however, can be drawn against an accused in a criminal trial. There no duty upon an accused to call any evidence. He is at liberty to offer evidence or not as he thinks D proper and no inference unfavourable to him can be drawn because he adopts one course rather than the other. *Emperor v Dhunno Kazi* 8 Cal 121 at p 125 and see *Woodroffe on Evidence* (9th Ed) at p 813; *Sarkar on Evidence* (5th Ed) at p 865.

[32] Begitu juga Hakim Wan Sulaiman SCJ dalam kes *Illian & Anor v Public* E *Prosecutor* [1988] 1 MLJ 421; [1998] 1 LNS 139 telah mengulangi prinsip undang-undang yang sama seperti berikut:

> The application by the learned Deputy to call an immigration officer under section 425 of the Criminal Procedure Code to give evidence to rebut the evidence was refused, according to the learned trial judge, in order to maintain his impartiality, F yet his Lordship chose to remark (at p. 164) that 'it is incumbent upon the defence to call this witness, let alone object to the calling of the witnesses', referring to the defence's objection of the calling of the immigration officer on the question of authenticity of the Border Pass, despite those authorities which make it more than abundantly clear that section 114(g) of the Evidence Act cannot be invoked against an accused person or for that matter failure to call any witnesses made the subject of G comment to the jury at a jury trial.
>
> Thus, in *Goh Ah Yew v Public Prosecutor* [1949] MLJ 150 , 153 the Court of Appeal held that:
>
> > No inference can be drawn against an accused person in a criminal trial. There is H no duty upon an accused person to call any evidence. He is at liberty to offer evidence or not as he thinks proper and no inference unfavourable to him can be drawn because he adopts one course rather than the other.

[33] Alasan kelima, terdapat percanggahan yang material antara keterangan I SP5 dengan keterangan SP6 mengenai penemuan barang kes dadah dalam beg plastik merah yang berada dalam beg hitam bertulisan 'DIGI'. Peguambela telah merujuk kepada keterangan SP5 di ms 46–47 *AR* Jld 1 dimana SP5 menyatakan beliau telah membawa perayu keluar dari dalam kereta dan telah membuat pemeriksaan terhadap beg plastik warna hitam dan mendapati

didalamnya mengandungi satu bungkusan plastik merah. Setelah dibuka plastik merah, SP5 menemui satu ketulan mampat daun-daun kering disyaki dadah jenis ganja. Peguambela juga telah merujuk kepada keterangan SP6 di ms 58 *AR* Jld 1 dimana SP6 menyatakan ketulan mampat tersebut dikeluarkan oleh perayu dari dalam plastik warna merah semasa perayu berada di dalam kereta bersama SP6. Rungutan peguambela bahawa tiada keterangan atau penjelasan bilakah ketulan mampat itu dimasukkan semula ke dalam plastik merah dan seterusnya ke dalam plastik hitam tersebut. Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguambela bahawa terdapat percanggahan material yang gagal dijelaskan mengenai perkara ini. Isu itu adalah tidak mempunyai sebarang merit.

[34] Alasan keenam, kegagalan saksi-saksi SP5, SP6 dan SP7 mengecamkan barang kes di mahkamah menyebabkan putus rantaian keterangan terhadap barang kes (P9). Setelah meneliti nota keterangan, kami bersetuju dengan bantahan peguambela bahawa tidak terdapat sebarang rekod atau catatan mengenai barang kes telah dirujuk kepada saksi-saksi SP4, SP5, SP6 dan juga SP7. Tiada sebarang catatan atau rekod tentang penandaan barang kes dan juga pengecaman terhadap barang kes dadah dalam kes ini. Kami bersetuju dengan ketiadaan sebarang catatan atau rekod mengenainya, terdapat kelompongan yang serius dalam kes pendakwaan dari segi terputusnya rantaian keterangan mengenai barang kes.

[35] Alasan terakhir, hakim bicara telah mengambil kira fakta yang tidak dibuktikan. Peguambela merujuk ms 19 *AR* Jld 1 dimana hakim bicara telah menyatakan seperti berikut:

> Keterangan saksi pendakwaan khususnya SP6 yang bertindak sebagai 'AP' jelas menunjukkan yang SP6 ada menelefon Tertuduh pada 22.1.2013 dengan memperkenalkan diri sebagai 'ABANG' manakala Tertuduh pula mengiakan yang beliau adalah 'LEKUK', dengan tujuan untuk beli ganja daripada Tertuduh. SP6 ada bertanya 'ada bekalan?' dan dijawab oleh Tertuduh 'ada dan nak berapa?'. Lantas SP6 jawab nak 1/2kg dan Tertuduh kata 'bekalan ada tapi tak sampai 1/2 kg'. Tertuduh menjawab, 'saya akan cuba carikan bekalan itu' dan telefon semula SP6.

[36] Peguambela menghujahkan SP6 sendiri tidak ingat nombor telefon 'Lekuk' dan tidak pasti 'Lekuk' yang didakwa bercakap dalam telefon dengan SP6 adalah orang yang sama dengan perayu di hadapan mahkamah ini. Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguambela. Meneliti keseluruhan keterangan, pada hemat kami 'Lekuk' adalah sebenarnya perayu dalam kes ini walaupun SP6 dan 'Lekuk' tidak pernah bertemu sebelum kejadian tangkapan dan rampasan pada 26 Januari 2013. Hujahan peguambela bahawa hakim bicara bergantung kepada 'conjecture' adalah tidak tepat.

A KONKLUSI

[37] Berdasarkan kepada keseluruhan keterangan dan juga hujahan peguambela terpelajar, kami bersetuju bahawa terdapat merit dalam rayuan perayu terhadap sabitan. Kami mendapati sabitan terhadap perayu adalah tidak selamat. Kami membenarkan rayuan perayu. Sabitan dan hukuman oleh Mahkamah Tinggi diketepikan. Perayu dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan.

Rayuan dibenarkan dan perayu dilepaskan dan dibebaskan daripada tuduhan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar